

30 DEC 1996

SOROTAN TAHUN AKHIR: IT KINI SEKTOR KEUTAMAAN UNTUK PERTUMBUHAN EKONOMI

By: Rizal Razalli

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Pelaburan dalam Teknologi Maklumat (IT) kini dianggap sebagai suatu perbelanjaan yang perlu apabila Malaysia berusaha meletakkan asas untuk sebuah masyarakat berasaskan pengetahuan bagi menggerakkan ekonomi selanjutnya.

Dalam hal ini, IT telah dianggap sebagai sektor keutamaan yang akan membantu menyumbang ke arah ekonomi teguh dan mapan dalam abad akan datang.

IT juga dilihat sebagai tenaga sokongan kepada sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan negara ini. Justeru itu, industri IT tempatan akan digalakkan sebagai sektor pertumbuhan ekonomi memandangkan pembangunannya akan menyumbangkan dengan ketara kepada perkembangan kegiatan industri berkenaan dan pengwujudan kemahiran serta teknologi yang lebih tinggi.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, sejumlah RM2.3 bilion akan diperuntukkan untuk kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan bagi melabur di dalam program-program serta projek-projek berkaitan IT.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di barisan hadapan dalam menerajui usaha-usaha bersama bagi menggalakkan kegunaan IT secara lebih meluas, telah berkata Malaysia tiada pilihan melainkan menerokai secara aktif dalam bidang IT bagi menyelakkan negara ini daripada jauh ketinggalan dalam era IT.

Sungguhpun sumbangan industri IT kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia secara relatifnya agak rendah buat masa sekarang, namun ia bersedia berkembang pada kadar yang ketara dalam masa depan terhampir.

Persatuan Industri Komputer Malaysia atau Pikom menganggarkan bahawa pendapatan IT tahun depan akan berkembang pada kadar kira-kira 20 peratus kepada RM6 bilion berbanding dengan tahun ini yang diunjurkan sebanyak RM4.94 bilion.

Pikom menyatakan pertumbuhan yang diunjurkan itu adalah sejajar dengan pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan IT dan ini mencerminkan bahawa lebih ramai lagi rakyat Malaysia bersedia berbelanja untuk membeli komputer berbanding dengan kira-kira 10 tahun lalu.

Sepanjang tahun 1996, kerajaan telah memainkan peranan pemangkin dan pro-aktif dalam membina dan membangunkan prasarana IT.

Penubuhan Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC), yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir, misalnya, menandakan kesungguhan negara untuk menggalakkan IT secara besar-besaran.

Projek sulung dan utama NITC ialah penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), yang sebaliknya akan bertanggung jawab bagi mereka-bentuk, membina dan menguruskan rangkaian telekomunikasi termaju, dikenali sebagai Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC yang bernilai RM5 bilion adalah zon khusus yang meliputi kawasan 15 km kali 40 km selatan Kuala Lumpur yang akan menghubungkan lambang kebanggaan negara, iaitu Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dengan pusat pentadbiran baru Malaysia, iaitu Putrajaya, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang.

Pengerusi eksekutif MDC, Datuk Dr Othman Yeop Abdullah berkata dengan MSC, Malaysia akan dihubungkan menerusi satu rangkaian yang akan dibina sepanjang koridor raya ke pusat-pusat penting di dalam kawasan tersebut dan merentasi dunia.

Apabila siap sepenuhnya, ia akan mempunyai prasarana untuk menyokong seluruh bilik lembaga pengarah, operasi CAD/CAM jarak jauh dan lintas langsung penyiaran Internet Multimedia.

MDC tersebut akan menjadi agensi sehati bagi mengurus dan memasarkan MSC kepada syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa IT. Setakat ini, sambutannya adalah menggalakkan.

Sun Microsystems, salah satu daripada syarikat terbesar IT dalam industri berkenaan, telah menyatakan kesanggupannya untuk menyediakan teknologi serta bekerjasama dengan pihak-pihak tempatan mengenai teknologi multimedia. Malah Bill Gates, jutawan dari Microsoft Corp telah bersetuju menganggotai satu panel penasihat-penasihat antarabangsa bagi MSC.

IBM World Trade Corporation, menerusi sekutunya di Malaysia, turut menunjukkan kesediaan untuk terbabit dalam hal ini.

Bagi menggerakkan projek MSC ke landasan yang betul, Dr Mahathir akan berada di San Francisco pada pertengahan Januari ini untuk menemui 10 orang pemimpin dari industri IT Amerika Syarikat yang menganggotai panel penasihat antarabangsa MSC. Input dari mesyuarat itu besar kemungkinan akan mempunyai kesan pemangkin ke atas perkembangan MSC. -- BERNAMA

RIZ MA